



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH
Dokumen Penjajaran Kurikulum

MATEMATIK

TAHUN 2

EDISI 2

KATA PENGANTAR



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan penjajaran kurikulum selaras dengan pengumuman pembukaan semula sekolah berdasarkan Takwim Persekolahan 2020 yang dipinda. Pada ketika itu, Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah diujikaji bagi tujuan kegunaan pengajaran dan pembelajaran bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang terkesan lanjutan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Susulan penutupan semula sekolah sepenuhnya mulai 9 November 2020, sekolah telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) sehingga hari terakhir persekolahan bagi tahun 2020. Meskipun guru telah berusaha untuk melaksanakan PdPR, namun masih terdapat cabaran dari aspek pelaksanaannya yang akan memberi implikasi terhadap pembelajaran murid pada tahun 2021. Sehubungan dengan itu, KPM telah memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 bagi tahun 2021.

Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 merupakan usaha KPM bagi membantu guru untuk memastikan kelangsungan pembelajaran murid dilaksanakan. Kurikulum yang diujikaji ini bukanlah

kurikulum baharu, tetapi kurikulum sedia ada yang disusun semula berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSR serta ditambah baik daripada dokumen penjajaran kurikulum sebelumnya. Kandungan kurikulum disusun berdasarkan kandungan asas yang perlu dikuasai oleh murid. Manakala, kandungan tambahan dan pelengkap perlu diajar bagi menyokong keseluruhan pembelajaran sesuatu mata pelajaran yang boleh dilaksanakan melalui pelbagai kaedah dan teknik pembelajaran.

Harapan KPM agar guru dapat terus merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pada tahun 2021 dengan lebih berkesan. KPM juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan kurikulum yang diujikaji.

DR. LATIP BIN MUHAMMAD

Timbalan Pengarah Kanan
(Kluster Dasar dan Sains & Teknologi)
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

BIDANG PEMBELAJARAN: NOMBOR DAN OPERASI**Tajuk: 1.0 Nombor Bulat Hingga 1000**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
1.1 Nilai nombor	1.1.1 Menamakan nombor hingga 1000: (i) Membaca sebarang nombor yang diberi dalam perkataan. (ii) Menyebut sebarang nombor yang diberi dalam bentuk angka. (iii) Memadan angka dengan namanya dalam perkataan. 1.1.2 Menentukan nilai nombor hingga 1000: (i) Menunjukkan kuantiti bagi nombor yang diberi. (ii) Memadankan kumpulan objek dengan nombor. (iii) Membandingkan nilai dua nombor. (iv) Menyusun kumpulan objek mengikut tertib menaik dan tertib menurun.	-	-
1.2 Menulis nombor	1.2.1 Menulis nombor dalam angka dan perkataan.	-	-
1.3 Rangkaian nombor	1.3.1 Membilang nombor. 1.3.2 Melengkapkan sebarang rangkaian nombor.	-	-

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
1.4 Nilai tempat	1.4.1 Menyatakan nilai tempat dan nilai digit bagi sebarang nombor. 1.4.2 Mencerakin sebarang nombor mengikut nilai tempat dan nilai digit.	-	-
1.5 Menganggar	1.5.1 Memberi anggaran bilangan objek yang munasabah.	-	-
1.6 Membundarkan nombor	1.6.1 Membundarkan nombor bulat hingga ratus terdekat.	-	-
1.7 Pola nombor	1.7.1 Mengenal pasti pola bagi siri nombor yang diberi. 1.7.2 Melengkapkan pelbagai pola nombor yang mudah.	-	-
1.8 Penyelesaian masalah	-	1.8.1 Menyelesaikan masalah yang melibatkan situasi harian.	-

BIDANG PEMBELAJARAN: NOMBOR DAN OPERASI**Tajuk: 2.0 Operasi Asas**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
2.1 Tambah dalam lingkungan 1000	2.1.1 Menambah dua nombor hasil tambah dalam lingkungan 1000. 2.1.2 Menambah tiga nombor hasil tambah dalam lingkungan 1000.	-	-
2.2 Tambah dalam lingkungan 1000	2.2.1 Menolak dua nombor dalam lingkungan 1000. 2.2.2 Menolak dua nombor dari satu nombor dalam lingkungan 1000.	-	-
2.3 Darab dalam lingkungan 1000	2.3.1 Mendarab dalam lingkungan fakta asas. 2.3.2 Mendarab nombor satu digit dengan 10.	-	-
2.4 Bahagi dalam lingkungan 1000	2.4.1 Membahagi dalam lingkungan fakta asas. 2.4.2 Membahagi sebarang nombor dua digit dengan 10.	-	-
2.5 Penyelesaian masalah	-	2.5.1 Mereka cerita masalah tambah, tolak, darab dan bahagi dalam lingkungan 1000. 2.5.2 Menyelesaikan masalah tambah, tolak, darab dan bahagi yang melibatkan situasi harian.	-

BIDANG PEMBELAJARAN: NOMBOR DAN OPERASI**Tajuk: 3.0 Pecahan dan Perpuluhan**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
3.1 Pecahan wajar	3.1.1 Mengenal pasti dan menyebut pecahan wajar yang pengangkanya 1 dan penyebutnya hingga 10. 3.1.2 Menamakan pecahan wajar yang pengangkanya hingga 9 dan penyebutnya hingga 10. 3.1.3 Mewakikan gambar rajah mengikut pecahan yang diberi. 3.1.4 Menulis pecahan wajar yang diberi. 3.1.5 Membanding nilai dua pecahan wajar yang diberi.	-	-
3.2 Perpuluhan	3.2.1 Menukar pecahan persepuluh kepada perpuluhan. 3.2.2 Menyebut perpuluhan sifar perpuluhan satu hingga sifar perpuluhan sembilan. 3.2.3 Menunjuk nombor perpuluhan 0.1 hingga 0.9. 3.2.4 Mewakikan gambar rajah mengikut perpuluhan diberi. 3.2.5 Menulis perpuluhan yang diberi. 3.2.6 Membanding nilai dua perpuluhan yang diberi.	-	-

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
3.3 Pecahan dan perpuluhan	3.3.1 Membanding nilai pecahan dan nilai perpuluhan yang diberi.	-	-
3.4 Penyelesaian masalah	-	3.4.1 Menyelesaikan masalah yang melibatkan situasi harian.	-

BIDANG PEMBELAJARAN: NOMBOR DAN OPERASI

Tajuk: 4.0 Wang

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
4.1 Wang kertas dan duit syiling	4.1.1 Mengenal pasti mata wang Malaysia hingga RM100. 4.1.2 Menentukan nilai wang hingggga RM100.	-	-
4.2 Tambah wang	4.2.1 Menambah dua nilai wang hasil tambahnya hingga RM100. 4.2.2 Menambah tiga nilai wang hasil tambahnya hingga RM100.	-	-

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
4.3 Tolak wang	4.3.1 Menolak dua nilai wang dalam lingkungan RM100. 4.3.2 Menolak dua nilai wang dari satu nilai wang dalam lingkungan RM100.	-	-
4.4 Darab wang	4.4.1 Mendarab nilai wang dan hasil darabnya hingga RM100.	-	-
4.5 Bahagi wang	4.5.1 Membahagi nilai wang dalam lingkungan RM100.	-	-
4.6 Simpanan dan pelaburan	4.6.1 Menguruskan kewangan secara efektif sebagai asas kepada simpanan dan perbelanjaan.	-	-
4.7 Penyelesaian masalah	-	4.7.1 Menyelesaikan masalah harian melibatkan situasi harian.	-

BIDANG PEMBELAJARAN: SUKATAN DAN GEOMETRI**Tajuk: 5.0 Masa dan Waktu**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
5.1 Waktu dalam jam dan minit	5.1.1 Mengenal tanda senggatan minit pada muka jam. 5.1.2 Menyatakan dan menunjukkan waktu dalam jam dan minit. 5.1.3 Menukar waktu dalam jam dan minit daripada perkataan kepada angka dan sebaliknya. 5.1.4 Merekod waktu dalam jam dan minit.	-	-
5.2 Perkaitan dalam masa dan waktu	5.2.1 Menyatakan perkaitan hari dengan jam dan jam dengan minit.	-	-
5.3 Penyelesaian masalah	-	5.3.1 Menyelesaikan masalah yang melibatkan situasi harian.	-

BIDANG PEMBELAJARAN: SUKATAN DAN GEOMETRI**Tajuk: 6.0 Ukuran dan Sukatan**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
6.1 Panjang	6.1.1 Mengenal unit panjang. 6.1.2 Mengukur panjang. 6.1.3 Menganggar panjang.	-	-
6.2 Jisim	6.2.1 Mengenal unit jisim. 6.2.2 Menimbang objek. 6.2.3 Menganggar jisim.	-	-
6.3 Isi padu cecair	6.3.1 Mengenal unit isi padu cecair. 6.3.2 Menyukat isi padu cecair. 6.3.3 Menganggar isi padu cecair.	-	-
6.4 Penyelesaian masalah	-	6.4.1 Menyelesaikan masalah yang melibatkan situasi harian.	-

BIDANG PEMBELAJARAN: SUKATAN DAN GEOMETRI**Tajuk: 7.0 Ruang**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
7.1 Bentuk tiga dimensi	7.1.1 Mengenal pasti bentuk tiga dimensi berdasarkan huraian ciri-cirinya. 7.1.2 Mengenal pasti bentuk asas bagi bentuk tiga dimensi. 7.1.3 Mengenal pasti pelbagai bentangan bentuk tiga dimensi.	-	-
7.2 Bentuk dua dimensi	7.2.1 Mengenal pasti bentuk dua dimensi berdasarkan huraian ciri-cirinya. 7.2.2 Melukis bentuk asas bagi bentuk dua dimensi.	-	-
7.3 Penyelesaian masalah	-	7.3.1 Menyelesaikan masalah yang melibatkan situasi harian.	-

BIDANG PEMBELAJARAN: STATISTIK DAN KEBARANGKALIAN**Tajuk: 8.0 Pengurusan Data**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
8.1 Mengumpul, mengelas dan menyusun data	8.1.1 Mengumpul data berdasarkan situasi harian.	-	-
8.2 Carta palang	8.2.1 Membaca dan mendapatkan maklumat dari carta palang.	-	-
8.3 Penyelesaian masalah	-	8.3.1 Menyelesaikan masalah melibatkan situasi harian.	-

**Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917**